



|            |                         |             |                     |
|------------|-------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | TPM pilih orang terbaik |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro            |             |                     |
| Date       | 04 Jul 2013             | Color       | Full Color          |
| Section    | Setempat                | Circulation | 324,097             |
| Page No    | 41                      | Readership  | 1,981,000           |
| Language   | Malay                   | ArticleSize | 304 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Ahmad Rabiul Zulkifli   | AdValue     | RM 11,227           |
| Frequency  | Daily                   | PR Value    | RM 33,682           |



## PEMILIHAN CALON PRK DUN KUALA BESUT

# 'TPM pilih orang terbaik'

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli  
am@mediaprima.com.my  
Kuala Terengganu


**M**enteri Besar Datuk Seri Ahmad Said menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab memilih calon terbaik yang akan bertanding pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut kepada Timbalan Presiden UMNO Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua UMNO Bahagian Besut Datuk Seri Idris Jusoh.

Ahmad yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Terengganu berkata, beliau yakin kedua-dua pemimpin itu akan meletakkan calon paling sesuai dan berkelayakan serta diterima pengundi untuk bertanding di DUN Kuala Besut itu.

"Saya menyerahkan tugas

penting itu kepada Tan Sri Muhyiddin dan Datuk Seri Idris dan mereka akan membuat keputusan siapa calon terbaik bagi menggantikan arwah Dr A Rahman Mokhtar sebagai calon di DUN berkenaan.

"Kami bertindak sebagai jentera yang akan memastikan DUN Kuala Besut itu kekal di bawah pemerintahan Barisan Nasional (BN) dan yakin kemenangan akan berpihak kepada calon BN pada PRK kali ini malah dengan majoriti yang lebih tinggi," katanya ketika ditemui selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara Kolej Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu (TESDEC) dengan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) di Wisma Darul Iman, di sini, semalam.



“ Saya serah tugas penting itu kepada Tan Sri Muhyiddin dan Datuk Seri Idris dan mereka akan membuat keputusan siapa calon terbaik”

Ahmad Said

Sebelum itu, Pengerusi Lembaga Pengarah TESDEC Mohd Mahdi Musa dan Ketua Pegawai Eksekutif UniKL Prof Dr Mazlihan Su'ud menandatangani dokumen perjanjian sambil disaksikan Ahmad dan Timbalan Presiden UniKL (Kerjasama Industri dan Institusi Antarabangsa) Datuk Ahmad Zahir Mokhtar.

Mengulas mengenai jawatan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri yang ditinggalkan Dr A Rahman, Ahmad berkata, kerajaan negeri tidak akan mewujudkan pemangku bagi portfolio berkenaan berikutan PRK akan diadakan dalam masa terdekat.

"Tak perlu lagi ada pemangku kepada jawatan itu kerana PRK akan diadakan tidak lama lagi, malah semua portfolio EXCO mempunyai timbalan masing-masing dan mereka akan berperanan menjalankan tugas ketika ketiadaan EXCO.

"Saya tidak boleh mengesahkan bila tarikh PRK serta calon yang akan bertanding DUN Kuala Besut dan ia bergantung kepada keputusan pucuk pimpinan parti untuk mengumumkannya kepada umum," katanya.

Sementara itu Mohd Mahdi berkata, beliau berharap kerjasama yang terjalin antara institusi pengajian tinggi swasta milik kerajaan negeri, TESDEC dan UniKL itu akan melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir dalam bidang kema-hiran.